



30 November 2011
30 November 2011
P.U. (A) 386

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (PERJANJIAN PEMBELIAN KUASA TENAGA BOLEH BAHARU) 2011

RENEWABLE ENERGY (RENEWABLE ENERGY POWER PURCHASE AGREEMENT) RULES 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU
(PERJANJIAN PEMBELIAN KUASA TENAGA BOLEH BAHARU) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 dan perenggan 61(b) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kapasiti eksport bersih” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011 [*P.U. (A) 387/2011*];

“kW” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“kWp” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“kWp berkadar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“meter hasil” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“MW” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;

“tempat sambungan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011.

Pemegang lesen pengagihan hendaklah membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu

3. Apabila notis bertulis di bawah subkaedah 12(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 [*P.U. (A) 385/2011*] diterima bahawa permohonan bagi kelulusan galakan telah diluluskan, pemegang lesen pengagihan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen 12(2) Akta, membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu dengan pemegang kelulusan galakan itu—

- (a) mengikut jenis perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 5(1);
- (b) yang mengandungi kandungan sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 5(2) dan, jika terpakai, subkaedah 5(3); dan
- (c) dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 5(4).

Tempoh untuk membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu

4. Pemegang lesen pengagihan hendaklah membuat perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu dengan pemegang kelulusan galakan menurut kaedah 3—

- (a) berkenaan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kWp berkadar sehingga dan termasuk 1,000 kWp dan yang menggunakan fotovolta suria sebagai sumber boleh bahaunya, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis bertulis di bawah subkaedah 12(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011; dan

- (b) berkenaan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu selain pemasangan tenaga boleh baharu yang disebut dalam perenggan (a), dalam masa enam puluh hari dari tarikh penerimaan notis bertulis di bawah subkaedah 12(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

Jenis, kandungan dan bentuk perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu

5. (1) Jenis perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu yang disebut dalam kaedah 3 hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual dengan mengambil kira sumber tenaga boleh baharu yang akan digunakan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual dan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

(2) Kandungan setiap jenis perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (1) hendaklah mengandungi peruntukan minimum yang berikut:

- (a) bahawa perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu itu hendaklah terus berkuat kuasa sepanjang tempoh berkuat kuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan galakan, melainkan jika perjanjian itu ditamatkan lebih awal mengikut peruntukan perjanjian itu;
- (b) bahawa pemegang kelulusan galakan hendaklah menjual dan menghantar, dan pemegang lesen pengagihan hendaklah membeli dan menerima, tenaga boleh baharu yang dijana oleh pemasangan tenaga boleh baharu pemegang kelulusan galakan dan dimeterkan oleh pemegang lesen pengagihan di tempat sambungan;
- (c) bahawa harga yang hendaklah dibayar oleh pemegang lesen pengagihan kepada pemegang kelulusan galakan bagi tenaga boleh baharu yang dijana dan dihantar oleh pemasangan tenaga boleh

baharu pemegang kelulusan galakan itu ialah kadar tarif galakan sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa mengikut Akta dan Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011;

- (d) bahawa pemegang kelulusan galakan hendaklah mengendalikan pemasangan tenaga boleh baharunya dengan menggunakan sumber boleh baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan galakannya;
- (e) bahawa pembacaan meter hasil, penyediaan dan pengeluaran pemberitahu bayaran dan pembayaran yang dibuat menurut pemberitahu bayaran itu hendaklah dibuat mengikut Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;
- (f) bahawa mana-mana pihak kepada perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu boleh menamatkan perjanjian itu mengikut peruntukan perjanjian itu jika pihak yang satu lagi telah memungkiri perjanjian itu yang kemungkiran itu ialah suatu jenis yang, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian, memberi hak kepada pihak yang pertama disebut untuk menamatkan perjanjian itu; dan
- (g) bahawa perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

(3) Kandungan setiap jenis perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (1) berkenaan dengan suatu pemasangan tenaga boleh baharu yang disebut dalam perenggan 4(b) hendaklah mengandungi peruntukan tambahan yang berikut: